

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**BST 422/2 - Ekologi Pemuliharaan**

**Masa : [2 jam]**

---

Jawab **EMPAT** soalan dalam Bahasa Malaysia.

**Bahagian A** adalah **Wajib** dan mengandungi **DUA** soalan.

**Bahagian B.** **DUA** soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

---

**Bahagian A (Wajib)**

1. Huraikan ancaman-ancaman utama terhadap kepelbagaian biologi yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti manusia. Gunakan contoh-contoh dari Malaysia sejauh mana yang boleh.

(20 Markah)

2. Pada pendapat anda, adakah UNCED (United Nations Conference on Environment and Development) berkesan dari segi pemuliharaan persekitaran dunia? Bincangkan.

(20 Markah)

**Bahagian B (Pilih DUA daripada Tiga soalan berikut):**

3. a) "Kadarcepat pemupusan sedang bertambah".  
Bincangkan kenyataan ini dan beri sebab-sebab untuk kejadian ini.  
b) Terangkan mengapa saiz populasi yang kecil menghadapi kemungkinan pemupusan yang lebih besar. Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan pemupusan sesuatu populasi tawanan?

(30 Markah)

4. Bincangkan bagaimana teori biogeografi pulau boleh diguna untuk merekabentuk taman-taman negara dan kawasan simpanan semulajadi. Apakah faktor-faktor lain yang harus dipertimbangkan?

(30 Markah)

5. Dengan menggunakan hutan hujan tropika sebagai contoh, tuliskan suatu huraian mengenai nilai ekonomi (langsung, tidak langsung, opsyen dan kewujudan) sesuatu ekosistem semulajadi.

(30 Markah)

-ooo0ooo-